

07/10/2003

Menyemai benih cintai keamanan dunia

Azimi Daim

PELANCARAN Kelab Remaja Aman Malaysia di Sekolah Rendah Kebangsaan Manggol Bongor, Kodiang, Kedah, Khamis lalu bertepatan dengan kerisauan dan keprihatinan seluruh rakyat Malaysia mengenai masalah disiplin pelajar.

Pada hari berkenaan, akhbar memaparkan berita mengenai 12 pelajar terbabit dalam pergaduhan, termasuk seorang hampir putus tangan. Sebagai reaksi kepada berita itu, Penaung Perikatan Keamanan Malaysia (Aman Malaysia), Datuk Hishammuddin Hussein, dengan tegas menjelaskan pentingnya menyemai keamanan di kalangan pelajar.

"Semua pihak mesti memupuk keamanan dan mencegah masalah gangsterisme atau disiplin di sekolah," katanya sambil membayangkan pembentukan jiwa dan tingkah laku generasi baru adalah tanggungjawab semua pihak, bukan menuding jari antara satu sama lain.

Seperti pandangan ramai bahawa menyemai jiwa pengasih bermula dari rumah, beliau menyarankan setiap orang dan pihak yang mempunyai tanggungan membuka minda lebih luas dan bertanggungjawab serta melaksanakan amanah masing-masing.

Beliau yang kebetulan memangku jawatan Menteri Pendidikan tidak sedikit pun menyalahkan guru, ibu bapa, pemimpin atau sesiapa juga, sebaliknya menunjukkan teladan dengan meluaskan program menerapkan nilai cinta keamanan di sekolah menerusi Kelab Remaja Aman Malaysia.

Pagi semalam, Hishammuddin bersama pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam Aman Malaysia menemui kira-kira 2,000 pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Kuo Kuang, Skudai, Johor dalam satu lagi usaha menyemai benih mencintai keamanan.

Pelajar yang memenuhi dewan besar sekolah itu riuh rendah bersama pemimpin menyahut seruan keamanan dan membantah perang. Walaupun masih bersekolah rendah, jelas mereka menyedari kengerian dan kesengsaraan yang dialami rakan sebaya di negara dalam kancah perang.

Ada yang menjerit apabila menyaksikan betapa ngerinya mayat ibu dan remaja yang cedera parah dibom oleh tentera rejim Israel di khemah Jenin.

Mungkin pelajar dan remaja tidak nampak serius apabila ditanyakan pandangan mengenai inisiatif keamanan, kesan peperangan dan senjata pemusnah besar (WMD).

Namun, mereka memahami erti keamanan yang dikecapi berbanding rakan sebaya di Palestin, Iraq, Kosovo, Sri Lanka, Kashmir, Afghanistan, Iraq, zon konflik lain dan mangsa keganasan.

Mereka tidak mahu semua itu berlaku di negara ini dan merenggut perpaduan, keamanan, kemerdekaan dan kemajuan yang kita nikmati kini.

Di sini, kita menikmati faedah hidup muhibah, bebas daripada serangan tentera, alam persekolahan, pendidikan tinggi, pengisian agama, pusat beli-belah, siaran televisyen, pawagam, waktu beriadah dengan keluarga dan rakan.

Oleh itu, kita bertanggungjawab memastikan semua itu dapat diwarisi untuk tempoh 100 tahun lagi. Mungkin tidak ramai mahu melabur masa dan wang untuk semua itu kecuali individu atau kumpulan yang mampu memandang jauh ke depan.

Namun, tidak cukup kalau Hishammuddin dan urusetia Aman Malaysia saja melaksanakan inisiatif ini. Mereka hanya mampu mencetuskan inisiatif, rancangan dan platform.

Seluruh NGO, jabatan awam, agensi kerajaan, swasta, keluarga, guru, jururawat, doktor, pencinta alam, imam, bilal, sami, penghulu, peniaga,

pelajar atau apa saja profesion dan peranan mereka, tampil memberikan sokongan padu menyuarakan keamanan.

Kita semua wajib melaksanakan peranan kita dan wajar bangkit hadir di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada pagi Ahad depan.

Walaupun tidak mengerah tenaga berlari dalam acara Larian Keamanan, slogan keamanan, poster yang kita bawa sendiri dan pakaian beragam antiperang atau cinta keamanan akan memberi makna kepada keamanan Malaysia dan jagat raya.

Sambil itu, manalah tahu slogan antiperang atau cinta keamanan berdasarkan kreativiti anda akan memenangi hadiah menarik, termasuk kereta, motosikal, basikal lasak, basikal BMX, televisyen, komputer, kamera digital, pemain DVD, hamper, set memancing, set perkhemahan, alat rumah tangga dan barangan elektronik. Selain hadiah menarik, jam tangan untuk kanak-kanak disediakan sebagai hadiah.

Peserta Larian Keamanan bukanlah perlu berlari sekuat hati kerana kemenangan bukan berdasarkan kepantasan masa, sebaliknya berdasarkan kreativiti slogan yang mereka bawa bersama.

Namun, bukan hadiah sasaran kita tetapi peranan kita yang paling penting adalah hadir menyuarakan bantahan terhadap perang dan mahukan dunia aman.

Bersama kita memikul amanah ini supaya delegasi dan ketua negara Islam yang bakal bersidang di Putrajaya mulai 11 hingga 18 Oktober ini mendapat suntikan semangat baru dari rakyat Malaysia.

Gerakan rakyat ini akan memberi makna kepada mereka untuk bersatu dan melaksanakan langkah yang pragmatik ke arah keamanan dunia, membela masyarakat antarabangsa, termasuk paderi dan penganut Kristian di Gereja Nativiti, Baitulham, Palestin daripada kekejaman, keganasan dan pembunuhan.

Kepada golongan yang pesimis, jangan lupa bahawa saranan Malaysia menerusi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Sidang Kemuncak OIC pada 1980-an untuk menubuhkan universiti Islam dunia kini sudah menjadi kenyataan dan inilah bukti OIC Boleh!